

'Saya masih ingat mayat Leftenan Adnan dirobek'

Raja Muda tidak dapat lupa detik ketuanya disiksa tentera Jepun

Oleh Siti Fatimah
Mohamed Anwar

KAJANG: "Saya masih ingat mayat Leftenan Adnan digantung kaki ke atas dan kemudian tentera Jepun menikam dan merobek mayatnya tanpa saya dapat berbuat apa-apa," kata bekas anggota Rejimen Askar Melayu Diraja, Raja Muda Raja Ahmad, 87.

Pengalaman menyaksikan sendiri kekejaman tentera Jepun itu masih segar dalam ingatan dan peristiwa hitam itulah yang membakar semangatnya bersama-sama menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

Raja Muda berkata, dia terkilan dan kecewa kerana gagal berbuat apa-apa terutama ketika melihat tentera Jepun terus menikam mayat ketuanya yang separuh hancur dan lebih mengecewakan apabila permintaan menguburkan mayat Adnan ditolak.

Beliau berkata, dengan sedikit penguasaan bahasa Jepun, dia tidak disiksa dan diperlakukan seperti tahanan lain, sebaliknya diminta memasuki kelas bahasa Jepun untuk dijadikan orang tengah bagi memudahkan komunikasi antara tentera Jepun dengan penduduk Tanah Melayu.

"Ketika itu tentera Jepun diketuai Jeneral Yamuda. Sifat bengisnya amat ditakuti semua orang, pantang silap sikit habis semua dipancung. Malah, Yamuda pernah mengugut membunuh dan mengelar mayat saya serta akan disiksa sama seperti Adnan jika cuba berpaling tadah.

"Saya ingat lagi, sehari sebelum Inggeris menyerah kalah, Jepun sudah menguasai seluruh Tanah Melayu kecuali di Tanjung Penjuru, Si-

ngapura. Walaupun bertahan lebih empat hari, akhirnya pasukan Rejimen Pertama Askar Melayu yang diketuai Adnan gugur di Bukit Chandu, Singapura," katanya yang kini menetap di Rumah Seri Kenangan, Cheras, di sini.


Beliau berkata, dalam usahanya melarikan diri dari markas Jepun di Singapura, dia dibantu dua rakan termasuk seorang tentera Sikh ketika dalam perjalanan menghantar lebih ratusan tahanan untuk dihukum bunuh di Singapura.

"Selepas membunuh hampir 20 tentera Jepun, saya melarikan diri menumpang kereta seorang pakcik Melayu menuju ke Johor. Kerana takut diburu Yamuda, saya nekad pulang ke Kelantan menaiki kereta api dari Segamat dan terpaksa menyamar sebagai orang suruhan serta menyembunyikan diri sehingga negara mencapai kemerdekaan.

"Hidup pada zaman penjajah begitu perit. Jika diberi pilihan saya mahu kembali ke perut ibu dan tidak mahu dilahirkan pada zaman itu, terlampau azab. Tangan ini sudah lama bermandi darah, sekarang saya mahu hidup tenang di sini, mengabdikan diri pada Allah sehingga sampai waktu dipanggil 'pulang,'" katanya.

Sementara itu, bekas anggota polis, Harun Mat Jali, 77, berkata, setiap kali laungan kemerdekaan berkumandang, wajah rakan yang terkorban termasuk lima sahabat baiknya yang gugur ketika diserang hendap komunis pada Julai 1947, masih segar dalam ingatan, terutama Allahyarham Tumin, yang menghembuskan nafas terakhir di pangkuannya.

Katanya, beliau sedar tugas sebagai anggota pasukan keselamatan



BEKAS PEJUANG: Harun (kiri) dan Raja Mohamad kini tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras.

“Saya kecewa apabila permintaan kebumikan mayat Adnan ditolak”

Raja Muda Raja Ahmad
Bekas anggota Rejimen Askar Melayu Diraja

pada zaman penjajahan umpama menghantar diri ke tali gantung. Malah, beliau sanggup terima apa jua takdir termasuk gugur di medan perang demi menegakkan kedaulatan negara.

"Saya tidak menyesal menyertai pasukan polis walaupun ketika itu umur baru 13 tahun," katanya.